

# Didik belia dekati aktiviti berfaedah



Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) serta Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Mukim Kiudang, Daerah Tutong mengunyahkahkan Forum sempena Awal Tahun 1442 Hijrah yang membawa tajuk 'Punca Isu Sosial Kalangan Belia Dan Cara Mengatasinya'.

Hadir selaku tetamu kehormat pada program tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang pada forum yang berlangsung di Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Mukim Kiudang, di sini.

Forum pada pagi tersebut dipengerusikan oleh Ketua Belia Masjid berkenaan, Awang Haji Khairulizam bin Haji Jeffrey, sementara ahli panelnya terdiri daripada Penolong Pensyarah Fakulti Usuluddin, UNISSA, Awang Haji Mohd. Khairul Nazif bin Haji Awang Damit semasa membuat pembentangan pada forum tersebut.

**PENOLONG PENSYARAH FAKULTI USULUDDIN, UNISSA, AWANG HAJI MOHD. KHAIROL NAZIF BIN HAJI AWANG DAMIT** semasa membuat pembentangan pada forum tersebut.

**TUTONG, Sabtu, 12 September.** - Gejala masalah sosial secara umumnya adalah sesuatu yang berkaitan dengan masyarakat, di mana memerlukan perhatian dan komitmen seluruh anggota untuk mencari jalan penyelesaian.

Sehubungan itu, Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan,

Awang Haji Mohd. Khairul Nazif dalam pembentangannya antara lain menjelaskan pada zaman Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Baginda bukan sahaja mengajarkan ilmu semata-mata tetapi juga mengajarkan akhlak yang baik kepada manusia. Dalam



**TIMBALAN Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama (dua, kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada program tersebut (atas). Sementara gambar bawah, antara yang hadir pada majlis berkenaan.**

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

salah sebuah hadis Baginda ada juga menjelaskan bahawa kepada sesiapa sahaja yang dalam perjalanan menuju ke sesuatu tempat majlis ilmu itu adalah bakal

ahli syurga kelak.

Tambahnya lagi, bagi mereka yang cinta kepada masjid dan telah dipilih oleh Allah untuk datang ke dalam masjid, itu menandakan



Allah sayang kepada-Nya dan golongan ini, Allah memudahkan jalannya untuk masuk ke syurga nanti.

Antara tujuan acara ini diadakan adalah untuk memperingati sempena Awal Tahun 1442 Hijrah. Selain itu, memberikan kesan penghijrahan melalui forum serta untuk memberi peluang kepada Belia dan Beliawanis Masjid berkumpul dan beramah mesra bersama pemimpin.

Di samping untuk mengajak Belia dan Beliawanis Masjid bagi sama-sama mendengar kesan bahaya gejala sosial, termasuk penyalahgunaan dadah. Seterusnya, memberi peluang para ibu bapa bagi sama-sama mendengar dan memantau kegiatan anak-anak mereka.

Acara ini juga dihasratkan untuk memberi kesedaran kepada peserta dan yang hadir akan bahayanya penyalahgunaan dadah, sekali gus mendidik peserta agar sentiasa mengikuti aktiviti yang sihat dan berfaedah. Program seumpama ini juga akan diadakan ke daerah lain mengikut jadual yang ditetapkan.

# Coco Café sertai Program Restoran Sihat



**COCO Café menyertai Program Restoran Sihat yang dikendalikan oleh Pusat Promosi Kesihatan (PPK), Kementerian Kesihatan dalam usaha membantu meningkatkan pilihan pengambilan makanan dan minuman lebih sihat di negara ini.**

**GADONG, Sabtu, 12 September.** - Trend pemilihan makanan sihat di negara ini semakin meningkat dalam kalangan masyarakat Brunei, terutama di restoran-restoran dan kafe-kafe.

Justeru, Coco Café juga tidak ketinggalan untuk menyertai Program Restoran Sihat yang dikendalikan oleh Pusat Promosi Kesihatan (PPK), Kementerian Kesihatan dalam usaha membantu meningkatkan pilihan pengambilan makanan dan minuman lebih sihat di negara ini. Pelancaran program tersebut

berlangsung di Coco Café, Batu Bersurat, yang disempurnakan oleh Pegawai Perubatan Kanan, Dr. Siti Rosemawati binti Haji Md. Yusof selaku wakil Ketua PPK.

Pada masa ini, terdapat 12 restoran dan kafe makanan yang menyertai program ini, di mana sebanyak 55 peratus menu hidangan di Coco Cafe mengandungi pilihan yang lebih sihat, merangkumi Coco's Specials, seperti Salmon Panggang, Pesto Salmon Bakar dan Baked Salmon Belly. Bagi mengetengahkan produk

makanan sihat, Coco Café menggunakan banyak bahan segar yang diperolehi secara tempatan dan mencipta sendiri sebahagian besar kuah (*gravy*) juga sos mereka daripada resipi asli.

Sebilangan besar makanan mereka turut menggunakan hanya sedikit jumlah garam dan gula juga hanya menggunakan minyak zaitun dan sedikit mentega dalam sebilangan hidangan.

Lebih daripada 60 peratus pilihan makanan sihat dalam menu Coco Café, terdiri daripada makanan ringan, salad, bahkan piza dan makanan utama, seperti pasta dan hidangan berasaskan beras perang.

Untuk menyajikan atau mendapatkan makanan yang sihat tidaklah begitu rumit sekiranya kita membuat pilihan makanan yang betul. Justeru, orang ramai haruslah menitikberatkan akan kebersihan dan makanan yang dimakan tersebut terjamin daripada segi kesihatannya.

Objektif utama program tersebut adalah untuk meningkatkan persekitaran makanan di negara ini dengan meningkatkan ketersediaan makanan lebih sihat, dengan itu, dapat mewujudkan persekitaran pasaran tempatan kondusif untuk menyokong pilihan makanan yang sihat dan memupuk budaya juga amalan untuk memilih makanan yang lebih sihat.

Restoran atau kedai makanan yang mengambil bahagian mestilah memenuhi kriteria yang

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

disediakan oleh PPK, di mana garis panduan tersebut menyatakan bahawa restoran atau kedai makanan harus menyediakan sekurang-kurangnya 25 peratus menu pilihan lebih sihat.

Makanan atau minuman yang dianggap sebagai pilihan lebih sihat akan dilabelkan dengan Logo

Pilihan Sihat (Healthier Choice Logo) pada menu.

Kerjasama tersebut adalah penting untuk menyokong dan mempromosikan inisiatif makanan sihat di negara ini ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035 dalam meningkatkan kualiti kehidupan.



**LEBIH daripada 60 peratus pilihan makanan sihat dalam menu Coco Café, terdiri daripada makanan ringan, salad, bahkan piza dan makanan utama, seperti pasta dan hidangan berasaskan beras perang.**